

8H6M

BEIJING + INNER MONGOLIA



Xilamuren Grassland adalah kawasan padang rumput paling cantik di Inner Mongolia dikelilingi oleh gunung-ganang!!



Musim Panas:
Jun - Ogos

Musim Luruh:
Sept - Nov

Musim Sejuk:
Dis - Feb

Musim Bunga:
Mac - Mei

CHINESE YUAN:
CNY 1


RINGGIT MALAYSIA:
MYR 0.65

PERBEZAAN WAKTU CHINA: GMT+8


TOUR HIGHLIGHTS




GREAT WALL OF CHINA:
Tembok pertahanan yang dikira sebagai salah satu keajaiban dunia ini tetamu dapat menikmati pemandangan indah pergunungan dan sungai Guanguou.



CAMEL RIDE & SAND SLIDE DI PADANG PASIR:
Menunggang unta dan merasai sand slide di padang pasir Whistling Dune Bay.



BIRD NEST STADIUM:
Sebuah stadium ikonik pada Sukan Olimpik Beijing 2008. Ini kerana reka bentuk unik seakan sarang burung, di mana struktur luaran stadium dibuat dari pada besi keluli.



WATER CUBE:
Merupakan salah satu lokasi acara Olimpik berbentuk kiub besar buih sabun dan kini telah diubahsuai menjadi taman air dan juga sebagai taman beriadah.



XILAMUREN GRASSLAND:
Di padang rumput Xilamuren, pelancong dapat menikmati pemandangan indah padang rumput, menikmati makanan yang enak, dan mengalami budaya Mongolia yang unik



MEMAKAI PAKAIAN TRADISIONAL MONGOLIA:
Berpeluang memakai pakaian tradisional Inner Mongolia.



BERMALAM DI YURT:
Bermalam di 'Mongolian Yurt', sejenis khemah bercirikan konsep masyarakat Mongolia tempatan.



TIANANMEN SQUARE:
Sebuah dataran yang penuh dengan sejarah.

HOTEL PENGINAPAN | 3* Hotel

BANDAR	HOTEL/SETARAF	BIL. MALAM
Beijing	Hotel Guomen	4 Mlm
Xilamuren	Local Modern Yurt	1 Mlm
Hohhot	Local Hotel	1 Mlm

JADUAL PENERBANGAN



HARI	PESAWAT	SEKTOR	ETD	ETA
1	MH 318	KUL - PKX	2340	0600+1
8	MH 319	PKX - KUL	1000	1630

HARGA PAKEJ TERMASUK

- Tiket penerbangan kelas ekonomi termasuk surcaj minyak dan cukai penerbangan.
- Penginapan hotel 6 malam bertaraf 3* sepanjang lawatan termasuk cukai bandar (city taxes).
- Sarapan pagi di hotel, makan tengahari dan makan malam sepanjang lawatan mengikut aturcara.
- Penginapan 1 malam di Local Modern Yurt.
- Pengangkutan bas persiaran berhawa dingin yang selesa.
- Perkhidmatan ketua rombongan dan pemandu pelancong yang professional.
- Tip pemandu pelancong dan pemandu bas persiaran.

HARGA PAKEJ TIDAK TERMASUK

- Kos ujian antigen atau PCR COVID-19 sekiranya disyaratkan oleh negara dilawati.
- Travel & Covid-19 Insurans - Hubungi kami bagi khidmat nasihat dan pembelian premium insurans yang sesuai.
- Surcaj tambahan ketika waktu perayaan, puncak dan cuti sekolah.
- Servis tambahan di hotel seperti snek, mini bar, dobi dan porter.
- Makan minum, tiket masuk lawatan dan tempat lawatan selain dari yang dinyatakan.
- Bayaran tambahan lebihan had bagasi penerbangan.
- Perkara lain selain dari yang dinyatakan di dalam aturcara dan pakej termasuk.

8H6M

INNER MONGOLIA

HARI
01 KUALA LUMPUR -
BEIJING

Berkumpul di KLIA Terminal 1 untuk menaiki penerbangan ke Beijing.

HARI
02 BEIJING

MT/MM

Lawatan di **Beijing**:

- Melawat **Summer Palace** yang dibina pada kurun ke-12 di sekitar Longevity Hill dan Kunming Lake ketika zaman Dinasti Yuan sebagai istana bersemayam musim panas bagi maharaja China. Diiktiraf sebagai taman istana terbesar di dunia, tetamu akan dapat menikmati pemandangan flora yang cantik dan panorama sekitar tasik yang mengagumkan. Antara tarikan di sini ialah Seventeen-Arch Bridge, Wenchang Pavilion, Foxiang Ge Tower dan Hall of Benevolence and Longevity.
- Bersiar-siar di sekitar **Olympic Village** dan berfoto dengan pelbagai jenis mural dan monumen yang berkaitan Olimpik yang dihasilkan ketika kejohanan berlangsung.
- Berfoto di **Water Cube** yang merupakan salah satu lokasi acara Olimpik berbentuk kiub besar buih sabun dan kini telah diubahsuai menjadi taman air dan juga sebagai taman beriadah.
- Melawat **Bird Nest Stadium** yang merupakan sebuah stadium ikonik pada Sukan Olimpik Beijing 2008. Ini kerana rekabentuknya sangat unik seakan berbentuk sarang burung, di mana struktur luaran stadium diperbuat daripada besi keluli yang dianyam menghasilkan corak seperti jeriji.

HARI
03 BEIJING

SP/MT/MM

- Melawat **Tiananmen Square** yang merupakan sebuah dataran yang penuh dengan sejarah. Antaranya adalah tragedi demonstrasi pro demokrasi para pelajar universiti pada tahun 1989. Di sini terdapat binaan penting seperti **Monument to the People's Heroes**, **Great Hall of the People** dan **Gate of Heavenly Peace** selain **Mausoleum of Mao Zedong** dan **National Museum of China**.
- **Forbidden City**: Kompleks istana berusia lebih 600 tahun yang dibina pada tahun 1406 semasa Dinasti Ming. Kota istana yang dikelilingi tembok setinggi 8m ini menjadi kediaman dan pusat pemerintahan maharaja China sehingga tahun 1924. Tarikan utama di kota ini ialah **Hall of Supreme Harmony** yang menjadi dewan menghadap maharaja China dan perkahwinan diraja, selain **Palace of Heavenly Purity** yang menjadi balai mesyuarat maharaja dan pembesar.
- Melihat cara pembuatan batu Jade yang menjadi perhiasan penting tradisi orang China di **Jade Center**.
- Bersolat di masjid yang tertua di Beijing, **Niujie Mosque** yang dibina pada tahun 996 ketika Dinasti Liao. Senibina masjid ini merupakan seni campuran ukiran Islam dan kaum Han, dan disini ada disimpan kitab Al-Quran yang berusia lebih 300 tahun. Masjid ini hampir musnah diserang tentera Genghis Khan pada 1215 tetapi telah dibaikpulih pada 1443 ketika Dinasti Ming.
- Membeli-belah di **Muslim Supermarket**, dimana tetamu boleh mendapat barangan yang halal seperti rempah-ratus, sayur-sayuran, produk tenusu, roti dan juga kacang-kacang seperti buah berangan, almond dan lain-lain.
- Melawat **Chinese Herb Center**, pusat perubatan tradisional cina yang menggunakan herba yang berkualiti yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan China.

- Menyaksikan persembahan penuh ilusi, mistik dan mendebarkan di **Acrobatic Show** pada sebelah petang.

HARI
04 BEIJING

SP/MT/MM

- **Great Wall of China**: Tembok pertahanan yang dikira sebagai salah satu keajaiban dunia ini dibina seawal kurun ke-7 sebelum masihi dan dipanjangkan oleh maharaja-maharaja yang memerintah negara China sehingga mencecah sepanjang 21,000 km. Tetamu akan dibawa melawat ke salah satu seksyen yang dipanggil **Juyongguan Great Wall** yang dibina oleh Dinasti Ming pada 1368. Di sini juga tetamu dapat menikmati pemandangan indah pergunungan dan sungai Guangou.
- Lawatan ke **Burning Cream Center**, sebuah pusat perubatan tradisional China yang menggabungkan pelbagai herba yang digunakan turun temurun.
- Membeli-belah di **Xiushui Street** juga dikenali sebagai Silk Street. Sesuai namanya, kawasan ini terkenal menjual kain pakaian sutera dan di sini terdapat Silk Market yang setinggi 6 tingkat dengan lebih 1,000 buah kedai yang menjual pelbagai jenis barangan dan cenderamata selain sutera.

HARI
05 BEIJING -
HOHHOT -
BAOTOU

SP/MT/MM

- Merasai pengalaman menaiki **Bullet Train** menuju ke Hohhot.
- **Xilamuren Grassland**: Merupakan padang rumput hijau dan salah satu tempat semula jadi yang terbaik di dunia. Pengunjung dapat menikmati pemandangan rumput hijau sejauh mata memandang, bunga liar pelbagai warna menghiasi padang rumput dan binatang ternakan seperti kuda, lembu dan biri-biri. Berbagai persembahan dan aktiviti yang disediakan untuk pengunjung seperti gusti, tarian, persembahan muzik, menunggang kuda dan bermalam di Yurt moden.

HARI
06 BAOTOU -
ORDOS -
HOHHOT

SP/MT/MM

- **Kubuqi Desert**: Lanskap unik bukit yang berpasir ini menjadi daya tarikan para pengunjung. Tempat ini menawarkan aktiviti seperti mendaki padang pasir, luncur pasir, menunggang unta kereta kabel dengan sedikit bayaran tambahan. Tempat ini menawarkan pengalaman yang unik dan tidak akan dilupakan bagi para pengunjung yang ingin menjelajahi keindahan alam gurun. Bermalam di **Hohhot**.

HARI
07 HOHHOT -
BEIJING

SP/MT/MM

- Melawat dan menziarahi **Grand Mosque**, masjid yang terawal dan terbesar yang dibina di Hohhot. Masjid ini dibina pada tahun 1963 dan beberapa kali telah diubah suai. Seni bina yang bertemakan Cina dan Arab ini bertambah unik apabila digabungkan dengan batu bata yang berwarna hitam.
- Membeli pelbagai makanan di **Muslim Food Street** yang terletak di muslim bazar. Pelbagai jenis makanan yang halal dijual sepanjang jalan bazar ini.
- **Inner Mongolia Museum**: Dibina pada tahun 1957 dan terletak di tengah-tengah bandar Hohhot. Muzium ini menyediakan bahan pameran lebih dari 150,000 keping bahan-bahan sejarah. Termasuk fosil dari zaman Dinosaur sehingga zaman permulaan tamadun Mongolia. Bermalam di **Beijing**.

HARI
08 BEIJING -
KUALA LUMPUR

SP

Menaiki penerbangan pagi pulang ke Kuala Lumpur.